

**TAFSIR AYAT AHKAM.** Oleh Zulkifli Mohd Yusoff. PTS Darul Furqan Sdn Bhd: Selangor. 2011. Halaman 461. ISBN 978-967-0127-01-9.

Penulis buku ini iaitu Professor Dato' Dr. Zulkifli bin Mohd Yusoff merupakan professor di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Universiti Malaya. Penulis mentafsirkan ayat al-Quran dengan meletakkan tajuk surah dan nombor ayat. Seterusnya ayat al-Quran dinyatakan berserta maksud ayat. Perbahasan berkenaan ayat dibahaskan dengan sebab turun sesuatu ayat bagi memberi kefahaman yang mendalam kepada pembaca. Ia menjadikan buku ini menarik dengan penyusunan yang tersusun. Keterangan mufradat ayat turut dijelaskan bagi memberi kefahaman berkenaan kalimah dalam al-Quran. Munasabah antara ayat turut dinyatakan, ia memberi gambaran kehebatan al-Quran yang mempunyai kesinambungan dan hubungan antara surah sebelum dan selepasnya. Ia memberi ibrah kepada pembaca akan kehebatan Allah SWT yang menurunkan al-Quran kepada manusia. Penulis meletakkan tajuk keterangan mufradat dan membincangkan kesimpulan daripada kefahaman berkenaan ayat al-Quran yang dibahaskan. Subtopik yang sesuai dengan keterangan ayat al-Quran diletakkan dengan tajuk huriahan terperinci. Contoh ketika berbahas berkenaan Surah al-Baqarah ayat 164 penulis membawa lapan subtopik iaitu kejadian langit dan bumi, kejadian malam dan siang, penciptaan lautan dan kemudahan pelayaran di atasnya, hujan, pembiakan binatang, pergerakan angin dan awan. Diakhir perbahasan terdapat pengajaran ayat dan nota hujung bagi tajuk tersebut. Kadangkala penulis meletakkan persoalan dan seterusnya dibincangkan perkara tersebut. Contoh ketika berbahas berkenaan Surah al-Baqarah ayat 183 hingga 187, penulis membawa subtopik ‘Adakah berpuasa lebih afdal berbanding berbuka?’.

Penulis ketika berbahas berkenaan Surah al-Baqarah ayat 183 hingga 187 berbahas berkenaan puasa adalah ibadah yang amat berkait rapat dengan keimanan dalam hati seseorang, kesan puasa kepada manusia akan membentuk sifat takwa. Puasa adalah kesinambungan daripada ibadah yang telah ditetapkan kepada umat terdahulu. Nabi Musa AS berpuasa selama 40 hari malah golongan Yahudi tetap melakukan puasa antaranya puasa seminggu bagi memperingati hancurnya Jerusalem dan pengambilalihan semula. Penulis ketika membahaskan berkenaan hukum yang terdapat dalam ibadah puasa menyatakan dengan jelas berkenaan kelonggaran yang diberikan kepada orang sakit atau musafir untuk berbuka puasa. Malah dinyatakan pelbagai pandangan mazhab bagaimana situasi penyakit yang membolehkan berbuka iaitu menurut zahiriah sakit dan musafir secara mutlak membolehkan seseorang berbuka sama ada sakit ringan atau perjalanan yang jaraknya dekat sahaja. Terdapat beberapa pandangan yang dinyatakan berkenaan hukum tersebut. Hukum berkenaan qadha puasa turut dibahaskan sama ada ianya perlu dilakukan secara berturut-turut, menurut jumhur ianya boleh dilakukan secara berturut atau sebaliknya mengikut keselesaan seseorang. Hukum lain yang dibahaskan ialah hukum bagi wanita hamil dan menyusukan anak, hukum jika berlaku kesilapan berbuka puasa, hadas besar ketika puasa dan turut dibincangkan adalah berkenaan iktikaf.

Bahagian tiga dengan tafsir Surah al-Baqarah ayat 219 hingga 220 membicarakan berkenaan arak dan judi. Pengharaman arak berlaku dalam tempoh yang panjang menjangkau zaman Mekah dan Madinah. Penulis turut menyatakan bahaya arak dapat menyebabkan mata menjadi kabur, perut buncit, warna kulit pucat serta mendorong penyakit buah pinggang. Ia turut menyebabkan keradangan otak, ketagihan dan memusnahkan diri seseorang. Bahagian empat buku ini

memuatkan Surah Ali Imran ayat 28 hingga 29 dengan perbahasan berkenaan pemimpin. Ianya fokus kepada larangan bagi orang beriman mengambil orang bukan Islam sebagai wali atau pemimpin, pembantu dan sahabat serta mengetepikan saudaranya yang beriman kepada Allah SWT. Terdapat tiga faktor yang menyebabkan orang Islam cenderung melantik atau membantu orang bukan Islam iaitu mereka redha dengan orang bukan Islam dan melantik orang bukan Islam kerana redha dengan kekufuran mereka . Ianya perbuatan yang ditegah kerana orang bukan Islam selamanya tidak akan redha dengan Islam. Kecenderungan kepada orang bukan Islam dengan melantik atau menolong kerana mereka mempunyai hubungan kekeluargaan atau kerana kasih sayang. Namun mereka meyakini bahawa agama orang bukan Islam itu batil. Ianya dilarang dalam Islam. Situasi seterusnya melakukan hubungan dengan orang bukan Islam kerana mereka mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap orang bukan Islam seperti hak jiran. Mereka berhak diberi pertolongan namun tidak sampai menjatuhkan maruah agama Islam.

Bahagian lima Surah al-Nisa ayat satu hingga empat memuatkan berkenaan penciptaan Nabi Adam AS bermula dengan segumpal tanah dan kemudian mencipta Hawa daripada tulang rusuk Nabi Adam AS. Seterusnya mengingatkan manusia supaya bertakwa kepada Allah SWT. Kupasan turut diberi berkenaan harta anak yatim, hak penjagaannya dan kezaliman terhadap sesiapa yang menganinya mereka. Larangan keras daripada mengambil harta anak yatim serta mencampurkan harta sendiri dengan harta anak yatim sehingga tidak dapat membezakan harta tersebut ketika berbelanja. Penulis turut mengupas berkenaan poligami yang terdapat dalam ayat ini serta menyentuh berkenaan keadilan dalam aspek perbelanjaan dan pembahagian giliran. Ayat lima hingga enam Surah al-Nisa menjelaskan berkenaan pengurusan harta anak yatim. Larangan menyerahkan harta anak yatim sebelum mereka sempurna akal serta menjaga kewajipan harta anak yatim. Harta anak yatim adalah milik mutlak mereka walaupun kelihatan seolah-olah ianya dinasabkan kepada wali. Wali juga wajib memberi nafkah kepada anak yatim.

Bahagian tujuh dalam buku ingin membawa tafsir Surah al-Nisa ayat 34 hingga 36 yang menyatakan bahawa lelaki adalah pemimpin bagi wanita dan wanita harus mengakui akan hal tersebut. Bukti jelas hal ini apabila tugas kenabian adalah tugas yang diberi kepada golongan lelaki malah pemimpin juga berada pada pihak lelaki. Antara kurniaan Allah SWT kepada lelaki ialah kekuatan mental dan fizikal, berani dalam menghadapi situasi serta membuat keputusan, wujud kekuatan jasmani dan akhlak. Tanggungjawab lelaki lebih berat berbanding wanita, dengan itu mereka diberi kelebihan dalam pembahagian harta pusaka. Terdapat dua kategori isteri iaitu isteri yang baik dan nusyuz. Isteri perlu menjaga kerahsiaan hubungan suami isteri. Jika suami mendapati isteri nusyuz maka ia perlu menasihati, menjauhi isteri dari tempat tidur dan memukul isteri namun ia tidak digalakkkan. Walaupun memukul dibolehkan namun tidak boleh memukul pada wajah, tidak memukul dengan cemati atau tongkat. Manakala ayat 36 menjelaskan berkenaan larangan syirik kepada Allah SWT sama ada syirik Jali iaitu jelas mempersekuatkan Allah SWT dan syirik khafi iaitu tanpa disedari seperti mempercayai tangkal dan azimat dapat menyembuhkan penyakit. Turut diperintahkan supaya berbuat baik dengan ibu bapa dan jiran serta anak jalanan malah hamba sahaya juga turut perlu dilayan dengan baik.

Bahagian lapan menjelaskan Surah al-Nisa ayat 58 hingga 59 iaitu perlu menunaikan amanah. Ahli tafsir membahagikan amanah kepada tiga bahagian iaitu amanah hamba terhadap tuhannya, amanah sesama makhluk dan amanah terhadap diri sendiri. Perbincangan berkenaan amanah

menyentuh konsep adil. Terdapat tujuh prinsip keadilan dalam kepimpinan iaitu keluhuran hukum Allah SWT, keadilan dalam kalangan manusia, persamaan dalam kalangan setiap warganegara, syura, ketaatan kepada perkara makruf, hak dan kewajipan menyuruk kepada makruf dan mencegah kepada mungkar, larangan mempunyai hasrat mengejar jawatan yang tinggi. Bahagian kesembilan memaparkan Surah al-Maidah ayat 33 hingga 35 yang menjelaskan berkenaan larangan memerangi Allah dan rasul serta melakukan kerosakan seperti merompak, mencuri dan membunuh. Jenayah dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu golongan yang membunuh orang yang lalu lalang dan merampas harta mereka. Mereka ini wajib dibunuh dan disalib selama tiga hari di tempat yang tinggi untuk memberi rasa gerun kepada masyarakat. Golongan yang membunuh orang yang lalu lalang namun tidak merampas harta mereka, wajib dibunuh namun tidak disalib. Golongan yang merampas harta orang lalu lalang namun tidak membunuh mereka, mereka perlu dihukum dengan memotong tangan dan kaki secara bersilang. mereka yang menakutkan orang lalu lalang namun tidak membunuh dan tidak merampas harta, mereka perlu dihukum takzir seperti buang negeri atau penjara.

Bahagian sepuluh merupakan Surah al-Maidah ayat 38 hingga 40 iaitu hukum ke atas pencuri iaitu dipotong tangan. Undang-undang Islam tidak harus dilihat pada hukuman yang keras, tetapi ianya perlu difahami kaedah pelaksanaannya iaitu kesalahan yang berkaitan dengan mencuri perlu dibuktikan dengan keterangan lisan atau ikrar dibuat oleh tertuduh tanpa paksaan, sekurang-kurangnya dua orang saksi, saksi adalah lelaki Islam yang baligh, adil iaitu tidak melakukan dosa besar dan kecil, keterangan jelas dan nyata, semua saksi perlu teguh dengan keterangan bukan sahaja di mahkamah malah ketika hukuman dijalankan, saksi tidak menarik balik tuduhan dan hakim beriman dan mempunyai peribadi yang baik. Penulis membawakan pandangan mazhab berkenaan anggota badan yang harus dipotong jika mencuri antaranya pandangan imam syafi'i menyatakan bahawa anggota yang boleh dipotong adalah kedua-dua tangan dan kaki. Tangan kanan bagi kesalahan pertama manakala tangan kiri bagi kesalahan kedua. Tangan kiri kesalahan ketiga dan tangan kanan kesalahan keempat. Jika diulangi kesalahan ia boleh dipenjara sehingga meninggal dunia.

Bahagian sebelas membicarakan Surah al-Taubah ayat 17 hingga 18, penulis dalam membicarakan ayat ini menjelaskan berkenaan hukum orang bukan Islam membina masjid. Sebahagian ulama membenarkan manakala sebahagian melarang. Ia berikutnya larangan ke atas orang bukan Islam ialah sebagai nazir, pengurus waqaf dan hal-hal lain. Jika ia membina masjid sebagai tukang, memahat ianya dibolehkan mengikut pandangan fuqaha. Bahagian dua belas memuatkan Surah al-Tawbah ayat 60 membincangkan berkenaan golongan yang menerima zakat, apakah zakat itu perlu diberikan kepada lapan golongan yang disebutkan dalam al-Quran atau salah satu sahaja? Golongan yang disebut dalam al-Quran ialah orang-orang yang sengsara kehidupannya, orang yang pendapatannya tidak cukup untuk menyara keluarga, pengurus zakat, orang yang baru memeluk Islam dan imannya masih lemah, hamba, orang yang berhutang dan tidak mampu membayar, membelanjakan pada jalan Allah SWT dan orang yang dalam permusafiran bukan untuk maksiat. Amil adalah orang yang mengumpulkan zakat, mereka layak menerima zakat selagi mana mereka bukan kerabat Rasulullah SAW. Muallaf adalah orang yang baru memeluk Islam dan orang kafir yang dijinakkan hatinya kepada Islam. Ianya dibahaskan dengan beberapa pandangan berkenaan zakat kepada muallaf. Orang yang berhutang adalah

orang yang menanggung beban hutang atau orang yang menjadi penjamin yang mana ia dibebani hutang orang lain dan ia juga kesempitan.

Bahagian 13 Surah al-Tawbah ayat 122 hingga 123 ia menjelaskan berkenaan jihad, tidak semua orang mukmin perlu berperang melainkan ianya adalah arahan daripada Rasulullah SAW. Ada golongan yang perlu berperang dan ada yang bersama dengan Rasulullah SAW tidak berperang. Malah ada yang tinggal untuk menuntut ilmu. Golongan yang bersama dengan Rasulullah SAW perlu menghafaz apa yang dipelajari dan disampaikan kepada orang yang pulang daripada berperang. Islam tidak menetapkan supaya berperang melainkan untuk berlindung daripada pencerobohan orang bukan Islam. Manakala ilmu menjadi alat untuk memberi hujah dan bukti akan kebenaran dan kesucian agama Islam. Bahagian 14 menjelaskan Surah al-Nahl ayat 125 hingga 128 adalah berkenaan dakwah iaitu teknik penyampaian dakwah Islam. Ayat tersebut menunjukkan kewajipan menyampaikan dakwah, perlu pengetahuan kaedah penyampaian dakwah dan berdakwah secara hikmah. Hikmah dalam dakwah dapat dibahagikan kepada tiga iaitu sifat peribadi pendakwah perlu mencontohi sifat Rasulullah SAW iaitu amanah, adil, sabar dan ada pengetahuan yang luas. Isi kandungan juga adalah hikmah yang perlu diteliti iaitu al-Quran, dibaca dengan dalil yang kuat dan tepat untuk menghilangkan keraguan. Manakala hikmah yang terakhir adalah yang berhubung dengan alat atau strategi dakwah iaitu menggunakan alat yang sesuai.

Bahagian 15 adalah Surah al-Haj ayat 77 hingga 78 berkenaan seruan untuk solat. Ia adalah atas ibadah, ia dapat membentuk peribadi. Allah SWT menyeru setiap umat manusia mendirikan solat. Malah solat diumpamakan dalam hadis Rasulullah SAW sebagai tiang agama. Ayat tersebut juga menyeru manusia supaya beribadat kepada Allah bukan hanya ibadah solat, malah amalan lain juga dikira sebagai ibadah jika ia dilaksanakan kerana Allah SWT. Allah SWT mendorong manusia melakukan kebaikan seperti menjaga silatul rahim dan berakhhlak mulia. Ia adalah hasil ibadah serta hubungan yang erat dengan Allah SWT. Perbahasan berkenaan jihad menunjukkan bahawa Islam memandang tinggi jihad jika dibandingkan dengan ibadah lain kerana ia menjamin penyebaran Islam. Pakar sarjana Islam membahagikan jihad kepada jihad dengan hati, jihad melawan nafsu, jihad dengan lidah, berdakwah kepada Allah SWT dengan seruan kepada kebaikan dan larangan melakukan kemungkaran, jihad dengan harta, jihad dengan membelanjakan harta ke jalan Allah SWT, jihad dengan diri dan nyawa dan berperang melawan orang kafir demi menegakkan Islam.

Bahagian ke 16 dalam buku ini mentafsirkan Surah al-Nur ayat satu hingga tiga memaparkan makna yang penting dalam kehidupan manusia kerana isinya merangkumi kesopanan dan hukum. Ayat tersebut menjelaskan bahawa penzina lelaki dan wanita yang belum berkahwin perlu disebat dengan 100 kali sebatan dan dibuang negeri selama setahun. Jika penzina seorang hamba maka hukumannya menjadi separuh iaitu 50 kali sebatan. Manakala penzina yang telah berkahwin maka hukumannya adalah rejam sampai mati. Ayat tersebut mendahului kalimah *al-Zaniah* kerana punca zina itu bermula daripada wanita. Dalam *Tafsir al-Wadih* disebut bahawa penzina berlaku daripada pihak wanita yang berpunca daripada bersolek, memakai wangi -wangian, dan berpakaian memberahikan lelaki. Namun ia tidak bererti lelaki bebas daripada kesalahan itu malah lelaki juga antara penyebab berlaku zina. Hukuman ini perlu dijalankan tanpa ada rasa kasihan atau simpati akan nasib penzina. Hukuman perlu segera

dilaksana. Hukuman perlu disaksikan oleh orang beriman. Terdapat khilaf berkenaan bilangan saksi, ada yang menyatakan seorang hingga seribu, dua orang dan ke atas, tiga orang, sepuluh orang dan empat orang. Pengkaji dalam perbahasan ini turut mengupas berkenaan hukuman liwat dan sihq (bersetubuh antara wanita dengan wanita) serta menyetubuhi binatang. Liwat adalah hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki dan telah wujud sejak zaman Nabi Luth lagi. Menurut Imam Malik Ahmad dan satu pandangan daripada syafie menyatakan dihukum bunuh sama ada dipenggal leher, direjam dengan batu, dijatuhkan dari tempat tinggi atau dirobohkan dinding di atasnya. Menurut Imam Syafie hukumannya sama dengan zina iaitu sebat bagi yang belum berkahwin dan rejam bagi yang telah berkahwin. Manakala Hanafi berpandangan hukuman takzir. Hukuman sihq adalah hukuman takzir begitu juga bagi yang menyetubuhi binatang.

Bahagian 17 memaparkan Surah al-Nur ayat enam hingga sembilan adalah hukuman li'an. Jika seorang suami menuduh isterinya berzina ia perlu bawa empat orang saksi, namun jika tidak memiliki saksi ia bersumpah sebanyak empat kali. Dan jika isteri mengandung dan suami menafikan taraf anak tersebut maka ia juga bersumpah. Malah suami perlu mengakhiri sumpahnya dengan lakanat Allah SWT akan menimpanya jika ia berdusta. Setelah suami melafazkan sumpahnya ia terselamat daripada hukuman sebat akibat tuduhan tersebut. Bahagian 18 menjelaskan Surah al-Nur ayat 30 hingga 31 adalah tentang pandangan lelaki beriman kepada wanita selain isteri dan bukan mahram. Ia menunjukkan pandangan tidak sengaja yang berlaku kali pertama adalah tidak mengapa namun jika ia diulangi akan menjadi fitnah. Orang beriman mendapat pahala dengan menjaga pandangan mata supaya tidak berlaku kerosakan fikiran dan mencegah berlaku zina. Perintah Allah SWT supaya menjaga kemaluan dan merendahkan pandangan mata kerana kedua-duanya membawa kepada maksiat iaitu zina.

Bahagian 19 adalah Surah Luqman ayat 12 hingga 15 yang menjelaskan berkenaan luqman yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT hikmah iaitu taufiq dalam melaksanakan amalan dengan ilmu dan kefahaman. Luqman menjadikan dirinya sebagai seorang yang bersyukur kepada Allah SWT dan memberi peringatan kepada orang lain. Ianya terbukti apabila beliau berpesan kepada anaknya iaitu tidak mensyirikkan Allah SWT. Syirik dapat dibahagikan kepada dua iaitu syirik Jali dan Syirik Khafi. Syirik Jali ialah jelas mempersekuatkan Allah SWT dengan menyembah selain daripada Allah SWT. Manakala Syirik Khafi ialah sesuatu yang diperlakukan tanpa disedari atau secara tidak langsung seperti mempercayai tangkal. Antara lain Allah SWT memohon supaya mentaati dan berbuat baik kepada Allah SWT, menghormati dan menunaikan haknya. Larangan juga diberikan supaya tidak mengikut orang yang mensyirikkan Allah SWT.

Bahagian 20 iaitu Surah al-Ahzab ayat empat hingga lima menyatakan bahawa Allah SWT menjadikan manusia dengan satu hati, ia bermakna manusia hanya mempunyai satu tujuan sahaja iaitu menyembah Allah SWT. Mustahil seseorang mempunyai dua keyakinan yang akan dianutnya dalam satu masa. Ayat ini juga menjelaskan berkenaan zihar, orang arab apabila tidak menyukai isterinya akan menziarkan mereka dan kesannya isteri mereka tidak dapat dicampuri, malah mereka hidup dalam keadaan terumbang ambing. Tidak dicampuri, tidak diberi nafkah sehingga meninggal dunia. Mereka juga tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain dan masih terikat dengan suami yang menziarkannya. Perbuatan zihar adalah perlu dijauhi kerana ia perbuatan mungkar dan tidak berasas sama sekali. Ayat ini juga menjelaskan berkenaan anak

angkat, dengan kedatangan Islam ia menghapuskan menasabkan anak angkat kepada bapa angkat.

Bahagian 21 ialah Surah Yasin ayat 38 hingga 40 iaitu menjelaskan kekuasaan Allah SWT dengan beredarnya matahari di tempatnya. Ianya menunjukkan kekuasaan Allah SWT. Malah Allah SWT mengatur perjalanan bulan agar manusia dapat menghitung kiraan hari dan tahun. Matahari dan bulan sentiasa patuh kepada perintah Allah SWT tanpa penat dan pertukaran malam dan siang banyak memberi manfaat kepada manusia. Bahagian 22 adalah Surah Sad ayat 10 hingga ayat 11 yang menjelaskan Allah menyatakan bahawa ia mengurniakan rahmatNya kepada Nabi Muhammad SAW dengan memilihnya untuk menerima wahyu sebagai pimpinan kepada umat manusia. Ia adalah respon terhadap kaum musyrik yang kehairanan apabila Rasulullah SAW dipilih sebagai pembimbing sedangkan masih ramai bangsawan dalam kalangan mereka. Malah mereka tidak hanya mempertikaikan kerasulan Baginda SAW namun turut mempertikaikan keesaan Allah SWT kerana mendakwa tuhan itu banyak.

Bahagian 23 dalam buku ini menjelaskan berkenaan Tafsir Surah Muhammad ayat 33 hingga 35 berkenaan perintah Allah SWT kepada orang beriman supaya mentaati Allah SWT dan rasul. Ketaatan kepada Allah dengan keikhlasan menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat. Perbahasan turut menyentuh perkara yang dapat membatalkan pahala amalan iaitu syirik kepada Allah SWT menurut Imam al-Razi. Ia tidak hanya membatalkan amalan malah dosanya tidak akan diampuni. Sifat orang kafir turut dinyatakan dalam ayat ini iaitu mengingkari keesaan Allah SWT dan rasulnya. Apabila nyawa telah berada di halkum maka Allah SWT menutup pintu taubat kepada hambaNya. Allah melarang orang Islam merasa lemah dan rendah diri terhadap orang kafir. Ia kerana orang kafir akan menganggap mereka lemah dan keunggulan Islam akan hilang. Masyarakat Islam perlu berhati-hati dengan tindakan orang kafir agar mereka tidak dipermainkan.

Bahagian 24 menjelaskan Surah al-Hujurat ayat enam hingga 10, ia mengumpulkan adab, budi dan akhlak dalam pergaulan hidup. Ia mencakupi kesopanan terhadap Allah SWT, rasul, diri sendiri dan adab sopan terhadap orang beriman dan manusia sekeliling. Terdapat banyak berita yang sering digembar gemburkan untuk mendapat publisiti. Ia menuntut manusia membuat penilaian dan tidak terburu-buru menghukum seseorang. Orang yang bijak, berfikiran mendalam, mempertimbangkan mudarat dan manfaat adalah mereka yang mendapat kurniaan Allah SWT. Allah SWT juga mengarahkan supaya orang beriman mendamaikan dua golongan yang bermusuhan.

Bahagian 25 menjelaskan Surah al-hujurat ayat 11 hingga 12 iaitu akhlak bermasyarakat menurut Islam iaitu larangan menghina sesuatu kaum seperti penghinaan orang kaya kepada orang miskin. Larangan mencela dan memalukan orang lain dengan kata-kata atau isyarat, memanggil saudara seagama dengan gelaran yang mengandungi ejekan atau dengan gelaran yang buruk. Umat Islam juga perlu menjauhi sifat buruk sangka, menghindari daripada mencari kesalahan orang lain dan larangan daripada mengumpat. Namun antara umpanan yang dibenarkan dalam Islam ialah bertujuan mencari kebenaran, menghilangkan kemungkar, meminta fatwa, menjauhi manusia daripada kekeliruan, secara terang-terangan mencela kejahatan, memperkenalkan seseorang dengan gelaran yang buruk atau sifat buruk.

Isi kandungan buku ini amat baik untuk dibaca oleh masyarakat Islam untuk memahami ayat-ayat al-Quran khususnya tentang hukum. Ianya dikupas dengan hujah yang sahih berpandukan pandangan mufassir, ulama fiqh malah ia dikaitkan dengan isu semasa. Ia membuatkan pembaca merasa dekat dengan al-Quran seterusnya berminat untuk mendalami ayat-ayat al-Quran. Dengan membaca buku ini masyarakat juga akan memahami kaedah bagaimana ayat al-Quran difahami oleh ulama muktabar iaitu dengan mengetahui lafaz ayat dan sebab penurunan ayat. Malah kehebatan al-Quran juga akan diketahui dengan mendalami ilmu munasabah ayat yang dinyatakan oleh penulis. Buku ini wajar dijadikan bahan bacaan oleh masyarakat Islam sama ada dibaca secara individu atau perbincangan dalam kelompok yang besar seperti usrah dan wacana ilmu.

**Nurzatil Ismah Binti Azizan**

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.